From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Tuesday, 26 April, 2022 8:25:28 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: RANCANG HARTA SEBELUM 'PERGI'

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

26 APRIL 2022 / 24 RAMADAN 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

RANCANG HARTA SEBELUM 'PERGI'



UUM ONLINE: Sejak kebelakangan ini ramai yang mati mengejut terutamanya di musim Covid-19 yang menggemparkan seluruh dunia.

Pengurus Operasi iLegasi Sdn Bhd, Suhaily Ahmad berkata, situasi itu amat memerlukan semua orang merancang harta semasa hidup bagi memudahkan pengurusan harta pusaka setelah berlakunya kematian.

Katanya, bayangkan apabila suami sebagai ketua keluarga meninggal dunia tanpa membuat persediaan dari segi pengurusan harta pasti menyukarkan waris yang masih hidup, lebih malang berlakunya perebutan harta di kalangan ahli keluarga.

“Ramai yang mengalaminya tetapi masih ramai tidak mengambil iktibar dan tidak peduli tentang perancangan harta sebelum mati.

“Buat wasiat, hibah? Alah..bukannya nak mati lagi, lebih sinikal, kita yang bertanya pula dianggap mata duitan atau tamak harta.

“Ramai yang anggap tidak penting sedangkan perkara ini dapat memudahkan ahli keluarga agar bila sampai ajal, anak isteri dan keluarga yang ditinggalkan boleh melaksanakan amanah agar warisan keluarga terjaga dan terselamat dari termakan harta yang tidak sepatutnya (batil).

Menurutnya, bila menyebut tentang wasiat dan hibah atau merancang harta, ramai yang mengambil mudah sehingga timbul persepsi rancang harta hanya untuk orang kaya-kaya.

“Sebenarnya merancang harta penting kepada semua orang tidak mengira sama ada harta sikit atau banyak demi melindungi kebajikan keluarga jika sesuatu berlaku kepada kita,” katanya.

Suhaily berkata, perkara utama yang perlu diambil tindakan sebelum seseorang meninggal dunia iaitu melantik wasi (seseorang yang diamanahkan pelaksanaan sesuatu wasiat orang yang telah mati), membuat dokumen bertulis, menyediakan dana pantas dan menyediakan khidmat pakar kepada waris.

“Apa akan jadi kalau tidak merancang harta? Boleh jadi harta terbeku atau diambil orang, punca pergaduhan keluarga, hutang tidak dibayar oleh waris dan jika terjadi hal-hal sebegini tentulah harta yang sepatutnya menjadi nikmat pada kita bertukar menjadi bala. Jadi, jika sayang anak dan isteri maka rancanglah pengurusan harta sejak awal,” tambahnya.

Menurutnya, rancang harta bermaksud merancang aliran harta semasa hidup dan selepas kita meninggal dunia.

“Bila membuat perancangan kita dapat menentukan perjalanan harta misalnya kepada siapa patut diberikan dan pembahagian mesti sah dari segi undang-undang sivil dan syariah.

“Jika berlaku kematian, selesai proses pengebumian dan melangsaikan hutang si mati, waris perlu menjalani proses perolehan kuasa, pentadbiran dan pembahagian kepada waris yang layak,” katanya lagi.

Jelasnya, beberapa cara merancang harta dengan menggunakan instrumen seperti wasiat, hibah, wakaf ataupun zakat.

Ujarnya, golongan yang signifikan untuk membuat wasiat atau hibah seperti suami isteri yang membeli rumah menggunakan dua nama, pasangan yang mempunyai anak perempuan sahaja dan mereka yang belum berkahwin.

Katanya, menerusi kerjasama yang terjalin antara Pusat Islam UUM dan iLegasi, pihaknya turun ke sana menjayakan Klinik Pusaka yang diadakan setiap Selasa untuk memberi khidmat rundingan secara percuma serta memberi kefahaman tentang kepentingan perancangan harta warisan kepada masyarakat, membantu pemilik aset menyediakan dokumen perancangan harta warisan dan tadbir urus pusaka dengan cara yang betul.

iLegasi menawarkan Khidmat Rundingcara dan Bantuan Guaman Syarie yang memfokus kepada usaha dalam bidang Perancangan Harta, Pengurusan Harta dan Tadbir Urus Pusaka menurut syariat dan syiar Islam serta mematuhi undang-undang negara selain khidmat nasihat perundangan oleh mereka yang bertauliah.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.